

Hindraf sambut Hari Bapa di 'Istana Negara'
Malaysiakini.com
Jun 12, 2008

Seramai 70 anak-anak anggota Barisan Bertindak Hak Hindu (Hindraf) di bawah umur 10 tahun akan mengetuai perarakan ke Istana Negara Sabtu ini untuk menyerahkan 'teddy bears' sebagai hadiah sempena sambutan Hari Bapa.

Menurut satu kenyataan, acara simbolik itu adalah bagi menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya 70 kanak-kanak telah dinafikan hak untuk menyambut hari tersebut bersama bapa masing-masing yang kini ditahan di Pusat Tahanan Kamunting di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya, pada hari berkenaan, Yang di-Pertuan Agong menjadi 'bapa' kepada kanak-kanak tersebut kerana semua rakyat Malaysia - tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama - taat setia kepada baginda.

bm lima tahanan hindrafAntara yang ditahan di Kamunting ialah lima pemimpin Hindraf itu - M Manohan, P Uthayakumar, V Ganabatirau, R Kengadharan dan K Vasantha Kumar.

Mereka ditahan pada 13 Disember tahun lalu, selepas terbabit menganjurkan perhimpunan 25 November lalu serta membuat kenyataan yang berunsur hasutan terhadap kerajaan.

Seorang daripada mereka, Manoharan bertanding dalam pilihanraya umum 8 Mac lalu atas tiket DAP dan menang kerusi negeri Kota Alam Shah.

Beliau memperolehi 12,699 undi untuk menewaskan calon BN-Gerakan, Ching Su Chen yang memperolehi 5,515 undi.

Pada 14 Mei lalu, Mahkamah Persekutuan - mahkamah yang tertinggi di negara ini - menolak rayuan mereka mereka supaya dibebaskan daripada tahanan bawah ISA.

Dalam penghakimannya, Hakim Besar Malaya yang juga pengerusi panel hakim Datuk Alauddin Mohd Sheriff berkata arahan penahanan yang dikeluarkan oleh menteri keselamatan dalam negeri pada 13 Disember tahun lalu adalah sah dan memenuhi semua keperluan di bawah ISA.

Menurutnya, panel tiga orang hakim mahkamah tertinggi di negara ini bersetuju dengan keputusan pesuruhjaya kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Datuk Zainal Azman Abdul Aziz yang memutuskan bahawa menteri berkenaan boleh mengarahkan seseorang itu ditahan mengikut Seksyen 8 ISA pada 26 Februari lalu.

Alauddin berkata, perdana menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, atas kapasitinya sebagai menteri keselamatan dalam negeri (waktu itu), mempunyai hak untuk mengeluarkan arahan tahanan dan telah memenuhi keperluan prosedur bawah akta tersebut.

Ia dipersetujui sebulat suara oleh dua lagi hakim - Datuk Arifin Zakaria dan Datuk Hashim Mohd Yusoff.

Penyokong Hindraf mendakwa, kelima-lima pemimpin mereka itu - empat daripadanya peguam - hanyalah membangkitkan isu-isu yang membabitkan kepentingan kaum India.

Pelbagai pihak termasuk parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MIC, MCA dan Gerakan, turut menggesa kerajaan supaya membebaskan lima pemimpin Hindraf tersebut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malysiakini.com/news/84364>